

**Malaysia Timba Idea Baru Dan Eratkan Hubungan Dengan Australia
Bernama
09 November, 2012
Daripada Leslean Arshad**

MELBOURNE (Australia), 9 Nov (Bernama) -- Malaysia bakal menimba idea baru terutama dalam bidang pendidikan selain mengeratkan hubungan dua hala melalui lawatan kerja sembilan hari Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin ke Australia mulai Sabtu.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran akan mempunyai jadual yang padat termasuk bertemu rakyat dan pelajar Malaysia dalam kunjungannya ke bandar utama di Australia iaitu Melbourne, yang terletak di Victoria, dan Gold Coast serta Brisbane yang terletak di Queensland sehingga 18 Nov.

Muhyiddin yang akan memulakan lawatannya ke Australia di Melbourne antara lain akan menyampaikan ucapan di Forum Ekonomi China Dunia keempat (WCEF) anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli), yang pertama kali diadakan di luar Malaysia.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia Datuk Salman Ahmad berkata penganjuran forum WCEF di Melbourne akan membuka peluang jaringan yang lebih luas memandangkan Victoria mempunyai ramai ahli perniagaan Cina.

"Ia boleh meluaskan horizon atau lingkungan bukan sahaja di kalangan ahli perniagaan China tetapi yang lain-lain (bukan ahli perniagaan China) akan turut berminat," katanya kepada wartawan Malaysia sempena lawatan Muhyiddin itu di sini Jumaat.

Mencerminkan komitmen Melbourne terhadap forum WCEF itu, resepsi dan majlis makan malam forum itu akan dihoskan Gabenor Victoria Alex Chernov yang akan dihadiri Muhyiddin.

Salman berkata Muhyiddin juga akan bertemu dengan pelajar dan profesional Malaysia semasa di Melbourne.

Dianggarkan 40,000 rakyat Malaysia kini berada di Victoria yang melibatkan diri dalam pelbagai bidang termasuk dalam bidang profesional seperti perubatan, akauntan, profesor dan ahli perniagaan selain antara 8,000 dan 9,000 pelajar Malaysia yang menuntut di beberapa universiti terkemuka seperti Universiti Monash dan Universiti Melbourne.

Pembukaan Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Melbourne melambangkan kehadiran rakyat Malaysia yang dirasai di Victoria, katanya.

Salman berkata Muhyiddin juga akan mengadakan pertemuan dengan Ketua Menteri Victoria Ted Baillieu dan Majlis Perniagaan Australia-Malaysia cawangan Melbourne, antara cawangan teraktif di Australia, semasa di Melbourne.

Pada 13 Nov, Muhyiddin akan diberi taklimat mengenai program G.A.T.E.WAYS Brainwaves Club pada sebelah pagi di Melbourne sebelum berlepas ke Gold Coast pada sebelah petangnya.

The G.A.T.E.WAYS Brainwaves Club adalah berdasarkan falsafah bahawa kanak-kanak yang sangat berkebolehan dan berbakat mempunyai keperluan tertentu untuk rangsangan dan cabaran yang sepadan dengan tahap ingin tahu mereka yang tinggi dan keinginan untuk belajar.

Salman berkata Muhyiddin akan diberi taklimat mengenai perkembangan usahasama

Petronas Brisbane dalam projek LNG Gladstone semasa di Gold Coast.

Timbalan Perdana Menteri juga akan mengadakan pertemuan dengan diaspora saintifik Malaysia dan komuniti Malaysia di Gold Coast, katanya.

Beliau berkata Muhyiddin juga akan diberi taklimat mengenai program Boyston Employment, satu program yang membolehkan anak-anak muda mendapat pekerjaan, di Brisbane.

"Kita akan lihat model ini sama ada boleh tekniknya digunakan di Malaysia," katanya.

Salman berkata kunjungan pemimpin negara ke Australia akan mengeratkan lagi hubungan dua hala dua negara yang baik tatkala ini selain membolehkan Malaysia mempelajari banyak perkara dari Australia.

"Banyak idea yang boleh ditimba (daripada Australia)," katanya.

Salman berkata hubungan dagang Malaysia dan Australia juga adalah baik dengan nilai kira-kira USD12 bilion.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708323>